

Antibiotik tidak boleh diambil tanpa kawalan

KUALA LUMPUR 16 Mac - Pengambilan antibiotik secara berlebihan tanpa kelulusan doktor perubatan menyebabkan ubat tersebut tidak memberi kesan seperti yang sepatutnya.

Ketua Pegawai Perubatan Pusat Saringan Kanser, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Dr. Dalilah Kamaruddin berkata, antibiotik hanya diberikan sekiranya penyakit berlarutan dan sistem imunisasi pesakit tidak boleh dibina dengan sendiri.

Katanya, namun, setakat ini tiada bukti menunjukkan pengambilan antibiotik tanpa kawalan doktor boleh menyebabkan penyakit ber-

bahaya termasuk kanser.

"Cumanya apabila ubat ini digunakan secara berleluasa, antibiotik sudah tiada kesan kepada pesakit, ini yang kita tidak mahu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, orang ramai diminta supaya menghentikan pengambilan antibiotik di luar jadual ubat yang kononnya untuk menambahkan ketahanan badan daripada serangan penyakit.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, terdapat tabiat dalam kalangan orang ramai yang

suka mengambil antibiotik walaupun doktor tidak mengarahkan berbuat demikian.

Mengulas lanjut, Dalilah berkata, antibiotik tidak boleh diambil dari klinik dan farmasi dengan sesuka hati tanpa kelulusan doktor perubatan.

"Tidak semestinya setiap kali sakit perlu mengambil ubat ini, ramai pesakit rasa jika tiada antibiotik penyakit mereka susah nak sembuh. Ini adalah tidak benar.

"Sebab itu, kita akan lihat keadaan pesakit dahulu sebelum sebarang ubat diberikan, jika pesakit datang hanya hendak mengambil antibiotik kita tak benarkan," katanya.



Setakat ini tiada bukti menunjukkan pengambilan antibiotik tanpa kawalan doktor boleh menyebabkan penyakit berbahaya termasuk kanser."

DR. DALILAH KAMARUDDIN
Ketua Pegawai Perubatan Pusat Saringan Kanser, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia